

Metodologi Hadith dalam Penetapan Hukum dan Fatwa: Kajian Antara Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP) dan Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT) Pimpinan Pusat Muhammadiyah

(Methodology of Hadith for Determination of Hukm and Fatwa: A Study Between State Fatwa Committee of Perlis (JMNP) and Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT) Pimpinan Pusat Muhammadiyah)

Khalilullah Amin Ahmad¹, Ali Abdul Jalil^{2*}, Mohd Nor Adli Osman¹,
Mohd Aizul Yaakob³, Khairulnazrin Nasir⁴, Fathullah Asni¹, Faisal Husen Ismail¹

¹ Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

² Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

⁴ Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya Education Centre (UMEC), Mukim Telong, 16310 Bachok, Kelantan, Malaysia

*Pengarang Koresponden: alijalil@kuiips.edu.my

Received: 29 April 2025 | Accepted: 28 May 2025 | Published: 30 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2025.7.5.37>

Abstrak: Hadith merupakan sumber perundangan dalam Islam yang kedua selepas al-Quran. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP) merupakan institusi fatwa di bawah Jabatan Mufti Negeri Perlis di Malaysia, manakala Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT) merupakan institusi fatwa di bawah Pimpinan Pusat Muhammadiyah di Indonesia. Kedua-dua institusi fatwa ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari sudut sumber pengambilan hukum dalam berfatwa. Hal demikian adalah disebabkan JFNP dan MTT telah menjadikan al-Quran dan hadith sebagai sandaran utama dalam menetapkan fatwa. Namun demikian, JFNP dan MTT tidak memberikan penghuraian secara jelas tentang definisi hadith dan metodologi hadith yang dipraktikkan dalam fatwa. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis tafsiran kepada maksud hadith sahih, mursal dan *da'if* menurut perspektif dan sumber ambilan hukum serta menganalisis pendekatan pengaplikasian hadith dalam berfatwa. Kajian ini menggunakan metode kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan melalui teks-teks fatwa, dokumen dan hasil temu bual. Dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa JFNP dan MTT memiliki persamaan dalam menjadikan hadith sebagai sumber rujukan untuk penetapan fatwa bagi kategori hadith, iaitu hadith sahih, mursal dan *da'if* (ringan). Begitu juga pendekatan pengaplikasian hadith dalam penetapan fatwa, JFNP dan MTT meletakkan keutamaan dalam pemilihan zahir teks hadith untuk dijadikan sandaran sebelum berpindah kepada metodologi kefahaman hadith yang lain.

Kata Kunci: Metodologi Hadith, Sumber Rujukan Hukum, Fatwa

Abstract: Hadith is the second source of Islamic law after the Quran. The Perlis State Fatwa Committee (JFNP) is a fatwa institution under the Perlis State Mufti Department in Malaysia, while the Tarjih and Tajdid Council (MTT) is a fatwa institution under the Central Leadership of Muhammadiyah in Indonesia. Both of these fatwa institutions have their own special features

from the point of view of sources of law in issuing fatwas. This is because JFNP and MTT have made the Qur'an and hadith the main basis for setting fatwas. However, JFNP and MTT do not provide a clear explanation of the definition of hadith and the methodology of hadith practiced in fatwas. Therefore, this study was carried out to analyze the interpretation of the meaning of sahih, mursal and *da'if* hadith according to the perspective and source of the law as well as to analyze the approach of applying hadith in issuing fatwas. This study uses a qualitative method based on literature review through fatwa texts, documents and interview results. The findings of the study can be concluded that JFNP and MTT have similarities in making hadith a reference source for determining fatwas for hadith categories, namely hadith sahih, mursal and *da'if* (light). Likewise, the approach of applying hadith in the establishment of fatwas, JFNP and MTT put priority in the selection of the apparent hadith text to be used as a backup before moving to other methodologies of understanding hadith.

Keywords: Methodology of Hadith, Sources of hukm reference, Fatwa

1. Pengenalan

Hadith merupakan sumber perundangan kedua selepas kitab suci al-Quran. Hal demikian kerana setiap sesuatu disandarkan kepada Rasulullah SAW berfungsi sebagai penjelas kandungan kitab al-Quran melalui metodologi penerangan, memperincikan sesuatu perkara yang bersifat umum dan mengukuhkan atau menyokong ayat al-Quran (Mohd. Muhiden Abd. Rahman & Zainab Asbullah, 2012). Kedudukan al-Sunnah sebagai sumber kedu selepas al-Quran dapat dibuktikan dalam hadith riwayat berkaitan jawapan Mu'az bin Jabal RA ketika menjadi utusan Rasulullah SAW ke negeri Yaman. Selain itu, dalam hadith riwayat Abu Bakar RA dan kisah berkaitan nasihat Umar bin al-Khattab RA kepada Syuraih (Al-Zuhayli, 1986). Seterusnya, para sarjana sejak era sahabat sehinggalah ke hari ini sepakat bahawa al-sunnah sebagai sumber hukum (Amiruddin Muhammad Jamil, 2015). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan beberapa ayat al-Quran yang memerintahkan agar taat kepada Rasulullah SAW seperti jadual berikut.

Jadual 1: Senarai Dalil Al-Quran Berkaitan Kedudukan Hadith

Nama Surah	Nombor Ayat	Ayat-Ayat Al-Quran
Surah al-Najm (53)	3	وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ
Surah al-A'raf (7)	158	قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ
Surah al-Ahzab (33)	36	وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا
Surah al-Nisa' (4)	80	مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّى فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظًا
Surah al-Nisa' (4)	59	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا
Surah al-Hasyr (59)	7	مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ
Surah al-Nisa' (4)	65	فَلَا وَرَيْكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يَحْكُمُونَكَ فِيمَا سَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Institusi fatwa sentiasa menjadi rujukan bagi umat Islam bagi sesebuah tempat. Terdapat pelbagai fatwa yang diputuskan dalam berbagai bidang kehidupan sama ada muamalat, ibadat

hinggalah ke bidang sains dan teknologi. Ini menunjukkan institusi fatwa mempunyai peranan yang signifikan dalam masyarakat Islam.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tafsiran kepada maksud hadith *sahih*, *mursal* dan *da'if* menurut perspektif mereka serta menjelaskan pendekatan pengaplikasian hadith dalam penetapan hukum dan fatwa.

2. Metodologi

Kajian kualitatif ini melibatkan teknik pengumpulan data melalui dapatan kepustakaan daripada teks-teks fatwa, analisis dokumen dan hasil temu bual (John Van Maaneen, 1983). Pengkaji telah memilih dua institusi fatwa, iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP) di Malaysia, manakala Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT) merupakan institusi fatwa di bawah Pimpinan Pusat Muhammadiyah di Indonesia. Pengkaji memilih kedua-dua institusi ini kerana mereka telah menggunakan pendekatan yang sama dalam penetapan hukum dan fatwa bagi negara masing-masing. Data-data tersebut dihuraikan mengikut tema-tema yang bersesuaian atau lebih dikenali sebagai kaedah analisis tematik dengan mengaplikasikan perisian *ATLAS.ti* versi 8. Data-data itu disediakan dalam bentuk jadual bagi menyusun data maklumat yang tepat. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah komparatif bagi membuat perbandingan dapatan kajian antara kedua-dua institusi fatwa yang terlibat daripada Malaysia dan Indonesia.

3. Fungsi dan Peranan Institusi Fatwa

Fungsi dan peranan institusi fatwa ialah menghasilkan pandangan hukum dan fatwa terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan atau wujudkan perselisihan berkaitan dengan hukum syarak dalam kalangan masyarakat setempat.

3.1 Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP)

JFNP adalah sebuah jawatankuasa rasmi di bawah Jabatan Mufti Negeri Perlis yang bersidang bagi bagi memutuskan hukum syarak dan fatwa berkaitan kemusykilan hal ehwal Islam di negeri Perlis (Abdul Hamid Yunus, 1999). Objektif penubuhan JFNP adalah untuk membantu pihak Mufti Kerajaan dalam proses pembikinan fatwa yang dikemukakan. Keluasan bidang kuasa JFNP meliputi aspek akidah, muamalah, ibadah dan sebagainya berkaitan komuniti Islam di negeri Perlis secara khusus (Abdul Monir Yaacob, 2000; Muhammad Adam Abd. Azid et al. 2019).

Tahun 1941 adalah tahun penubuhan JFNP tidak secara rasmi. Perkara ini selaras dengan lantikan jawatan mufti bagi negeri Perlis (Mohd Akram Dahaman, 2005). JFNP mula ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1964. Pada mulanya ia dinamakan dengan Jawatankuasa Syar'ieyyah Negeri Perlis. Jawatankuasa ini ditubuhkan berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis (1964). Pada seksyen lapan (8) cerai (1) undang-undang tersebut menyatakan jawatankuasa, fungsi dan keahlian. Antara fungsi JFNP adalah sebagai penasihat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam perkara berkaitan fatwa (Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, 1964). Pada tahun 2006, nama JFNP ini mula ditukarkan daripada Jawatankuasa Syar'ieyyah Negeri Perlis kepada JFNP melalui peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 yang menyatakan seperti berikut:

“Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa”

JFNP bergerak seiring dengan peranan Mufti Kerajaan sebagai penasihat DYMM Raja Pemerintah dan peranan JFNP sebagai penasihat kepada MAIPs, iaitu memastikan segala kemusykilan yang dikemukakan memerlukan kepada fatwa sebagai solusi dan jawapan berdasarkan metodologi para sarjana dan perubahan semasa (Mohd Akram Dahaman & Solahuddin Abdul Hamid, 2014).

3.2 Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT)

MTT pula ditubuhkan pada tahun 1927 selepas keputusan kongres Muhammadiyah ke-XVI yang bersidang di Pekalongan hasil cadangan daripada Kiyai Haji Mas Mansyur. MTT sentiasa konsisten dengan sumber rujukan utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah, samada permasalahan tersebut telah menemui hukum jawapan dan diamalkan oleh masyarakat setempat tetapi masih dipertikaikan dalam kalangan umat Islam di Indonesia secara khususnya.

Pada era awal penubuhan MTT, mereka hanya berperanan untuk menyelesaikan persoalan dan kemusykilan dalam aspek khilafiyah yang wujud dalam kalangan kelompok Muhammadiyah sahaja. Namun demikian, perubahan yang bersifat kontemporari sehingga menyebabkan wujudkan persoalan baharu yang perlu difatwakan. Dalam penyelesaian hukum, MTT menggunakan metodologi *ijtihad jama'ie (ijtihad berkelompok)* bagi mengeluarkan sesuatu fatwa yang *rajih* dan bertepatan dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

4. Pendekatan Institusi Fatwa Dalam Penetapan Hukum dan Fatwa

Hukum ertinya sesuatu keputusan yang didasarkan kepada dalil-dalil syarak. Fatwa ertinya apa-apa ketetapan hukum tentang sesuatu isu berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa. Dari sudut undang-undang ia akan dianggap sebagai fatwa apabila disiarkan di dalam warta (JAKIM, 2017).

Di Malaysia, negeri-negeri mempunyai bidang kuasa dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dianggap sebagai pandangan rasmi kerajaan terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan agama Islam. Ini disebabkan Jawatankuasa Fatwa telah ditubuhkan secara rasmi di bawah peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri (JAKIM, 2017). Dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa, kebanyakan negeri secara lazimnya akan mengeluarkan hukum atau fatwa berasaskan qawl muktamad mazhab Syafi'i. Sekiranya qawl muktamad mazhab Syafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, mana-mana qawl muktamad mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, atau mana-mana mazhab lain yang kaedah istinbat hukumnya hampir kepada aliran-aliran ini boleh dirujuk. Jika dengan merujuk qawl-qawl muktamad tersebut Jawatankuasa Fatwa berpandangan terdapat percanggahan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa boleh menggunakan ijtihad mereka sendiri.

Di Indonesia, penetapan hukum dan fatwa bermula apabila terbentuknya Majelis Ulama Indonesia (MUI) pada tahun 1975. Penetapan hukum dan fatwa bergantung kepada institusi-institusi fatwa yang berada di bawah MUI. Antaranya ialah Majelis Tarjih Muhammadiyah, Lajnah Bahsul Masail Nadlatul Ulama (NU) di bawah pengawasan Musyawarah Nasional (MUNAS), Dewan Hisbah Persatuan Islam dan Komisi Fatwa MUI. Dasar penetapan umum fatwa dilakukan secara kolektif oleh lembaga Komisi Fatwa MUI yang bersifat responsif, proaktif, dan antisipatif. Sumber rujukan hukum dan fatwa ialah al-Quran, Sunnah, Ijmak, Qiyas dan dalil-dalil lain yang muktabar (Fatkhul Mujib, 2015). Prosedur dalam menetapkan fatwa terbahagi kepada dua kaedah, iaitu sekiranya sesuatu hukum itu telah jelas akan difatwakan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Namun, sekiranya terdapat

permasalahan hukum berbentuk khilafiyyah dalam kalangan imam-imam mazhab fiqh, maka metode penetapan fatwa diambil melalui metode *al-jam'u wa al-talfiq* (pertemuan dalil), metode *muqaranah* (perbandingan pendapat) dan metode *tarjih* (pemilihan pendapat yang lebih kukuh).

4.1 Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP)

Secara umumnya, terdapat dua bentuk pendekatan dalam berfatwa di Malaysia. Pendekatan yang pertama adalah pendekatan madhhabī yang secara dasarnya terikat dengan sesuatu mazhab tertentu iaitu mazhab al-Shāfi'ī. Pendekatan ini diamalkan oleh kebanyakan negeri-negeri di Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Manakala pendekatan kedua adalah pendekatan yang tidak terikat dengan mazhab tertentu sebaliknya kembali merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Satu-satunya negeri di Malaysia yang mengamalkan pendekatan ini adalah Negeri Perlis.

Pada peringkat awal, penetapan fatwa di negeri Perlis adalah sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu iaitu berdasarkan mazhab al-Shāfi'ī. Namun begitu, bermula sekitar tahun 1920, pendekatan tersebut telah berubah kepada pendekatan yang bebas daripada keterikatan terhadap mazhab-mazhab tertentu iaitu dengan kembali merujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Senario ini berlaku disebabkan tokoh-tokoh aliran Sunnah ini memegang jawatan-jawatan utama dalam pentadbiran negeri Perlis seperti Wan Ahmad Wan Daud yang menjadi Speaker Dewan Undangan pertama Perlis dan Syeikh Ahmad bin Hasyim yang menjadi Menteri Besar Pertama Perlis (Mohd Akram Dahaman, 2014).

Sebagaimana negeri-negeri lain di Malaysia, agama Islam yang diamalkan di Perlis adalah mengikut aliran *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Hal ini sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) Bahagian 2: Agama Negeri, Perkara 5, Ayat 1:

*"Agama bagi Negeri ialah agama Islam Ahli Sunnah Waljama'ah seperti yang diamalkan di dalam negeri"*⁹

Manakala Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 pada Seksyen 54 cerai 1 pula menyatakan:

"Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahualaihi Wassalam." Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006.

Kedua-dua peruntukan undang-undang di atas menjadi asas kepada JFNP dalam berfatwa. Daripada dua peruntukan undang-undang ini menunjukkan perbezaan yang ada pada negeri Perlis iaitu pada aspek sumber ambilan hukum. Jelasnya, Negeri Perlis tidak menggunakan pendekatan mazhab berbanding dengan negeri-negeri lain yang banyak menggunakan pendekatan mazhab terutamanya mazhab al-Shāfi'ī (Mohd Akram Dahaman, 2005).

Al-Quran dan Sunnah dijadikan asas oleh JFNP sebagai sumber ambilan dan rujukan dalam fatwa-fatwa mereka. Ini tidak bermakna JFNP pandangan-pandangan daripada ulama. Pandangan ulama juga akan dirujuk oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengikut

keperluan. Bahkan, hal ini ditegaskan oleh mufti Perlis bahawa setiap fatwa negeri Perlis adalah merujuk pandangan imam terdahulu.

Enakmen-enakmen di atas memberikan kelonggaran dan keringanan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis untuk melihat pandangan-pandangan daripada ulama-ulama mazhab al-Shāfi'ī serta selain daripada mazhab al-Shāfi'ī. Maka, pandangan yang dipilih adalah pandangan yang paling kuat berdasarkan penilaian JFNP.

Akan tetapi, penjelasan secara terperinci berkaitan dasar-dasar yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Fatwa dalam memutuskan fatwa tidak dinyatakan dalam peruntukan undang-undang ini. Justeru, bagi menjelaskan maksud daripada perkataan Ahli Sunnah Waljama'ah yang terdapat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah memutuskan satu fatwa yang khusus bagi menjelaskan maksud daripada pernyataan tersebut. Di dalam fatwa tersebut telah dijelaskan bahawa Ahli Sunnah Waljama'ah yang dimaksudkan adalah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para sahabat yang sepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW. (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, t.t). Di dalam fatwa tersebut juga telah disenaraikan sumber ambilan dan rujukan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, sumber-sumber tersebut mengikut keutamaan adalah Al-Qurān al-Karīm, Ḥadīth *Ṣaḥīḥ*, *Ijmā' Sahabat*, Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, hadith *mursal* dan *da'if*, *qiyās* ketika *darurat*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *sad al-dharāi'*, *istiḥsān* dan *istiṣḥāb*, *'urf* dan *al-qawā'id fiqhiyyah* (Mohd Akram Dahaman, 2005).

4.2 Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT)

MTT adalah salah satu jawatankuasa organisasi di bawah Pimpinan Pusat Muhammadiyah yang diasaskan oleh Kiyai Haji Ahmad Dahlan atau nama sebenar beliau Muhammad Darwis pada 8 Zulhijah 1330 H bersamaan dengan 18 November 1912 M di Yogyakarta dan Jakarta, Indonesia. MTT kini diketuai oleh Prof. Dr. H. Syamsul Anwar dan dianggotai oleh seramai 56 orang ahli jawatankuasa fatwa. Penubuhan MTT sangat penting dalam mengeluarkan hukum dan fatwa tentang permasalahan hukum syarak yang menimbulkan kemusykilan dalam masyarakat setempat. Prinsip yang dipegang oleh MTT adalah segala pandangan dan fatwa yang dihasilkan dalam semua aspek kehidupan mestilah berpaksikan kepada sumber utama dalam Islam, iaitu, al-Quran dan al-Sunnah. Namun demikian, ilmu usul fiqh tetap menjadi sumber rujukan dalam proses pengambilan hukum daripada sumber asal al-Quran dan al-Sunnah. Pembikinan fatwa yang dikeluarkan oleh MTT melibatkan perkara hukum khilafiyyah yang diamalkan dalam masyarakat dan perkara baharu yang belum diterokai dalam penentuan hukum.

Dalam kandungan Matan Keyakinan dan Cita-cita Hidup Muhammadiyah (MKCH), MTT mengaplikasikan konsep *Mabadi' al-Khamsah* dalam menyelesaikan permasalahan hukum syarak sejak tahun 1935. Antara kandungan dalam konsep *Mabadi' al-Khamsah* ialah menjadikan metodologi ulama usul fiqh dalam memahami kaedah-kaedah usul sebagai proses pembikinan fatwa. Hal demikian dapat dibuktikan melalui pelbagai penulisan ilmiah yang telah diterbitkan dalam Himpunan Putusan Tarjih Muhammadiyah, Majalah Muhammadiyah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati masih terdapat kelompangan dalam mengaplikasikan semua kaedah usul fiqh dalam mengeluarkan hukum dan fatwa.

5. Kedudukan Hadith Dalam Sumber Rujukan Hukum dan Fatwa

Kedua-dua institusi fatwa ini telah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam penetapan fatwa. Oleh demikian, al-sunnah sememangnya memiliki kedudukan yang istimewa dan diberikan keutamaan sebagai sumber rujukan hukum selepas rujukan utama al-Quran bagi memutuskan beberapa fatwa yang berkaitan. Keputusan fatwa tersebut hanya menyenaraikan sumber rujukan dan ambilan hukum dalam berfatwa bagi kedua-dua institusi sahaja. Namun demikian, pengkaji mendapati tidak terdapat penjelasan secara terperinci tentang pengaplikasian al-sunnah sebagai sumber rujukan dan ambilan hukum tersebut. Justeru, satu kajian perlu dijalankan bagi merungkai tafsiran kepada hadith *sahih*, *mursal* dan *da'if* yang terdapat dalam menganalisis teks-teks fatwa yang dikeluarkan oleh kedua-dua institusi fatwa tersebut.

5.1 Hadith Sahih

Hadith ditakrifkan sebagai setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang merangkumi aspek perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat baginda SAW (Muhammad Jamāl al-Dīn Ibn Muḥammad Sa'īd al-Qāsimī (t.t). Manakala, hadith yang paling berautoriti untuk dijadikan hujjah dalam hukum syarak adalah hadith *ṣaḥīḥ*.

Hadith *ṣaḥīḥ* adalah hadith yang memenuhi lima syarat yang telah ditetapkan, iaitu hadith yang bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh perawi yang 'ādil dan ḍaḥiṭ (tepat hafalannya) serta hadith tersebut terpelihara daripada berlaku *shādh* (kesilapan) dan 'illah (kecacatan) pada sanad dan matannya (Ibn al-Ṣolāh; Uthmān Ibn 'Abd al-Raḥmān (2002). Jikalau terdapat kekurangan pada salah satu daripada syarat tersebut, maka hadith itu tidak akan dikira *ṣaḥīḥ*.

Maḥmūd Ṭaḥḥān menjelaskan bahawa kewajipan beramal dengan hadith *ṣaḥīḥ* telah disepakati oleh muḥaddithīn termasuk juga para ulama usul fiqh dan fiqh secara keseluruhannya. Menurut mereka, hadith *ṣaḥīḥ* adalah salah satu daripada hujjah syarak serta tidak boleh bagi sesiapa menolak untuk beramal dengannya (Maḥmūd Ṭaḥḥān, 2004).

Perspektif JFNP dan MTT, hadith *ṣaḥīḥ* mempunyai dua peranan, iaitu sebagai sumber rujukan hukum kedua bagi permasalahan yang tidak dijelaskan di dalam al-Quran dan sebagai penerang kepada kenyataan umum yang terdapat di dalam al-Quran (Mohd Akram Dahaman, 2005).

5.2 Hadith Da'if

Hadith *da'if* adalah hadith adalah hadith yang tidak terkumpul padanya ciri-ciri hadith *ṣaḥīḥ* atau hadith *ḥasan* (Al-Nawāwī, 1985). Hadith *da'if* mempunyai beberapa tingkatan iaitu *da'if* ringan, *da'if* berat dan juga hadith palsu (Maḥmūd Ṭaḥḥān, 2004).

5.3 Hadith Mursal

Hadith *mursal* termasuk dalam kategori hadith *da'if* dalam kalangan majoriti muḥaddithīn, al-Shāfi'ī dan kebanyakan daripada ulama fiqh dan usul fiqh (Al-Nawāwī, 1985). Akan tetapi, terdapat perbezaan antara muḥaddithīn dan ulama-ulama yang lain berbeza pendapat berkaitan penerimaan dan penghujahan hadith *mursal* sama ada menolak atau menerima secara mutlak atau menerima dengan bersyarat. Secara umumnya, hadith *mursal* diterima dan dijadikan hujjah secara mutlak oleh Imām Abū Ḥanīfah, Imām Mālik dan Imām Aḥmad serta diterima dan dijadikan hujjah dengan bersyarat oleh Imām al-Shāfi'ī dan sebahagian ulama yang lain (Maḥmūd Ṭaḥḥān, 2004).

6. Analisis dan Perbincangan

Dalam perbahasan sebelum ini telah dijelaskan tentang keistimewaan dan keutamaan hadith dalam sumber rujukan hukum bagi JFNP dan MTT. Maka, perbahasan ini bertujuan untuk merungkaikan pendekatan atau kaedah JFNP dan MTT dalam mengaplikasikan hadith dalam fatwa-fatwa mereka. Pengkaji mendapati kedua-dua institusi fatwa berkenaan memiliki metodologi yang hampir sama dalam penetapan hukum dan fatwa. Mereka menjadikan keutamaan dalam berfatwa bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah di samping tanpa menafikan pendekatan akal yang salim.

Konsep Al-Sunnah

Secara umumnya, pengkaji mendapati JFNP tidak memperuntukan metodologi khusus dalam mengaplikasikan hadith dalam penetapan fatwa. Manakala MTT telah menjelaskan metodologi pengaplikasian hadith sebagaimana yang diperuntukkan dalam Himpunan Putusan Tarjih (HPT) dan Keputusan Munas Tarjih XXV tentang Manhaj Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam.

Terdapat 11 metodologi hadith menurut MTT yang dapat diperincikan. Pengkaji dapat memberikan kesimpulan bahawa MTT memberi penekanan terhadap kritikan sanad hadith lebih daripada kritikan terhadap matan hadith. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan beberapa bahagian daripada 11 metodologi hadith tersebut. Hanya terdapat satu perkara sahaja yang ditekankan berkaitan penekanan kritikan terhadap matan hadith, iaitu pada perkara tujuh seperti jadual di bawah.

Jadual 2: Senarai Sebelas Konsep Al-Sunnah Menurut MTT

Bil.	Konsep Hadith	Penentuan Hadith	Kritikan Hadith
1.	Hadith mauquf murni tidak dapat dijadikan hujjah;	Hadith mauquf	Kritikan sanad
2.	Hadith mauquf yang termasuk ke dalam kategori marfu' dapat dijadikan hujjah;	Hadith mauquf	Kritikan sanad
3.	Hadith mauquf termasuk kategori marfu' apabila terdapat qarinah (Sesuatu yang menyertai yang lainnya) yang darinya dapat difahami ke marfu'-annya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam seperti pernyataan Ummu 'Athiyah "Kita diperintahkan supaya mengajak hari Raya orang-orang yang haid..." dan seterusnya bunyi hadith tersebut dan sebagainya;	Hadith mauquf	Kritikan sanad
4.	Hadith mursal al-tabi'i murni tidak dapat dijadikan hujjah;	Hadith mursal	Kritikan sanad
5.	Hadith mursal al-tabi'i dapat dijadikan hujjah apabila besertanya terdapat qarinah yang menunjukkan ketebersambungannya;	Hadith mursal	Kritikan sanad
6.	Hadith mursal al-sahabi dapat dijadikan hujjah apabila padanya terdapat qarinah yang menunjukkan ketebersambungannya;	Hadith mursal	Kritikan sanad
7.	Hadith dhaif yang satu sama lain saling menguatkan tidak dapat dijadikan hujjah, kecuali apabila banyak jalannya dan terdapat qarinah yang menunjukkan keotentikan asalnya serta tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan hadith sahih;	Hadith dhaif (maqbul)	Kritikan matan (teks hadith)
8.	Jarh42 didahulukan atas ta'dil setelah adanya keterangan yang jelas dan sah secara syara' (agama);	Kriteria al-jarh wa al-ta'dil	Kritikan sanad
9.	Riwayat orang yang terkenal suka melakukan tadlis dapat diterima, apabila ia menegaskan bahwa apa yang ia riwayatkan itu tersambung dan tadlis-nya tidak sampai merusak keadilannya;	Hadith mudallas	Kritikan sanad
10.	Penafsiran sahabat yang terdapat lafad (pernyataan) musytarak dengan salah satu maknanya maka wajib diterima;	Hadith mauquf	Kritikan sanad
11.	Penafsiran sahabat terhadap lafaz (penyataan) zahir dengan makna lain, maka yang diamalkan adalah makna zahir tersebut.	Hadith mauquf	Kritikan sanad

Metodologi Penghujahan Hadith

Bagi kaedah berhujjah dengan hadith, JFNP dan MTT mengutamakan hadith ṣaḥīḥ dan ḥasan sebagai hujjah bagi fatwa-fatwa mereka. Akan tetapi, jika tidak terdapat sumber dalil daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'* sahabat dan fatwa sahabat, maka mereka akan berhujjah dengan hadith mursal dan hadith ḍa'īf. Selain itu, dalam setiap kertas kerja fatwa mereka, jika terdapat hadith berkaitan permasalahan yang dibincangkan, maka JFNP dan MTT pasti akan menyebutkan terlebih dahulu hadith-hadith yang berkaitan dengan permasalahan tersebut sebelum membincangkan perkara lain. Justeru, hadith dijadikan asas utama dalam perbincangan kertas kerja fatwa tersebut.

Penerimaan JFNP dan MTT terhadap hadith ḍa'īf dan hadith *mursal* apabila tiada penyelesaian daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'* sahabat dan fatwa sahabat menunjukkan mereka tetap berusaha untuk tidak menggunakan pendekatan akal dalam berfatwa. Manakala, hadith ḍa'īf yang dimaksudkan bukannya hadith ḍa'īf yang berada dalam kategori mungkar dan batil serta tohmahan yang telah disepakati penolakannya sebagai hujjah.

Sementara itu, hadith mursal dan ḍa'īf diletakkan pada tingkatan kelima dalam senarai sumber ambilan dan rujukan hukum bagi JFNP dan MTT. Bahkan lebih didahulukan daripada qiyās. Hadith ḍa'īf yang dimaksudkan adalah ḍa'īf ringan yang tidak disepakati penolakannya sahaja diterima pakai oleh JFNP dan MTT. Penerimaan JFNP dan MTT terhadap hadith mursal dan ḍa'īf membuktikan bahawa kewujudan pengaruh metodologi Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal dalam sumber ambilan dan rujukan hukum JFNP dan MTT. Mereka juga berusaha untuk tetap konsisten merujuk al-Quran dan Sunnah berbanding menggunakan pendekatan akal dalam memutuskan fatwa.

Metodologi Kefahaman Makna Hadith

Bagi memahami hadith pula, JFNP dan MTT membahagikan makna hadith kepada dua iaitu makna zahir atau teks hadith dan memahami berdasarkan konteks hadith. Justeru, dalam mentafsirkan makna hadith, JFNP dan MTT akan berusaha untuk beramal dengan makna zahir hadith terlebih dahulu. Akan tetapi, jika tidak dapat beramal dengan makna zahir hadith, maka JFNP dan MTT akan berpindah kepada pendekatan kedua, iaitu dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah memahami hadith sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama. Dalam memilih pemahaman terhadap makna hadith tersebut, JFNP dan MTT akan meneliti tafsiran yang paling dekat dengan roh al-Quran dan Sunnah untuk dipilih dan diterima pakai sebagai hujjah dalam fatwa-fatwa mereka.

Antara kaedah lain dalam memahami makna hadith yang diaplikasikan oleh JFNP dan MTT adalah memahami hadith berdasarkan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah*. Fatwa mereka adalah untuk memelihara kemaslahatan agama, diri, kehormatan dan harta secara umum.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP)

Penerimaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis terhadap hadith ḍa'īf dan hadith *mursal* apabila tiada penyelesaian daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'* sahabat dan fatwa sahabat menunjukkan mereka tetap berusaha untuk tidak menggunakan pendekatan akal dalam berfatwa. Manakala, hadith ḍa'īf yang dimaksudkan bukannya hadith ḍa'īf yang berada dalam kategori mungkar dan batil serta tohmahan yang telah disepakati penolakannya sebagai hujjah.

Sementara itu, hadith mursal dan ḍa'īf diletakkan pada tingkatan kelima dalam senarai sumber ambilan dan rujukan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Bahkan lebih didahulukan daripada qiyās. Hadith ḍa'īf yang dimaksudkan adalah ḍa'īf ringan yang tidak disepakati

penolakannya sahaja diterima pakai oleh JFNP. Penerimaan JFNP terhadap hadith mursal dan *da'if* membuktikan bahawa kewujudan pengaruh metodologi Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal dalam sumber ambilan dan rujukan hukum JFNP. Mereka juga berusaha untuk tetap konsisten merujuk al-Quran dan Sunnah berbanding menggunakan pendekatan akal dalam memutuskan fatwa.

Secara umumnya, tidak terdapat peruntukan atau sumber yang khusus yang menjelaskan tentang kaedah Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengaplikasikan hadith dalam menentukan fatwa. Akan tetapi, kaedah-kaedah tersebut dapat dirungkaikan hasil daripada penelitian terhadap kertas-kertas kerja fatwa dan temu bual bersama ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

Metodologi JFNP mengaplikasikan hadith dalam menentukan hukum terbahagi kepada dua metodologi, iaitu metodologi penghujahan hadith dan kefahaman makna hadith. Bagi kaedah berhujjah dengan hadith, JFNP mengutamakan hadith *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* sebagai hujjah bagi fatwa-fatwa mereka. Akan tetapi, jika tidak terdapat sumber dalil daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'* sahabat dan fatwa sahabat, maka mereka akan berhujjah dengan hadith mursal dan hadith *da'if*. Selain itu, dalam setiap kertas kerja fatwa mereka, jika terdapat hadith berkaitan permasalahan yang dibincangkan, maka JFNP pasti akan menyebutkan terlebih dahulu hadith-hadith yang berkaitan dengan permasalahan tersebut sebelum membincangkan perkara lain. Justeru, hadith dijadikan asas utama dalam perbincangan kertas kerja fatwa tersebut. Manakala, bagi memahami hadith pula, JFNP membahagikan makna hadith kepada dua iaitu makna *zahir* atau teks hadith dan memahami berdasarkan konteks hadith. Justeru, dalam mentafsirkan makna hadith, JFNP akan berusaha untuk beramal dengan makna *zahir* hadith terlebih dahulu.

Akan tetapi, jika tidak dapat beramal dengan makna *zahir* hadith, maka JFNP akan berpindah kepada pendekatan kedua, iaitu dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah memahami hadith sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama. Dalam memilih pemahaman terhadap makna hadith tersebut, JFNP akan meneliti tafsiran yang paling dekat dengan roh al-Quran dan Sunnah untuk dipilih dan diterima pakai sebagai hujjah dalam fatwa-fatwa mereka.

Antara kaedah memahami makna hadith yang diaplikasikan oleh JFNP adalah memahami hadith berdasarkan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah*.

Kaedah ini diaplikasikan oleh JFNP dalam beberapa fatwanya. Contohnya adalah berkaitan fatwa "Hukum Isteri Meninggalkan Rumah Suami Disebabkan Ancaman". Di dalam fatwa tersebut, JFNP menyebutkan bahawa pada asalnya, isteri dilarang keluar daripada rumah suaminya (*bayt al-zawjiyyah*), iaitu rumah yang disediakan oleh suami kecuali dengan izin suami. Akan tetapi, jika sekiranya mempunyai anggapan yang kuat bahawa agama, diri, kehormatan, keluarga atau hartanya berada dalam keadaan bahaya yang diiktiraf oleh syarak, tidak mempunyai jalan keluar dan tidak mampu ditanggung jika terus berada di rumah suami, maka isteri diharuskan untuk keluar sekalipun tanpa keizinan daripada suami.

Justeru, berdasarkan fatwa yang diputuskan oleh JFNP berkaitan hukum isteri meninggalkan rumah suami disebabkan ancaman ini, jelas menunjukkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengaplikasikan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam membuat tafsiran terhadap teks-teks hadith berkaitan permasalahan tersebut. Secara *zahirnya*, hadith-hadith Rasulullah SAW melarang untuk seorang isteri meninggalkan rumah suaminya tanpa keizinan suami. Akan tetapi, fatwa daripada JFNP membenarkan si isteri untuk meninggalkan rumah suaminya jika dia yakin

kemudahan akan menimpa agama, diri, kehormatan, keluarga dan hartanya. Fatwa JFNP ini adalah untuk memelihara kemaslahatan agama, diri, kehormatan dan harta isteri tersebut.

Fatwa berkenaan adalah salah satu contoh daripada kaedah memahami hadith yang diaplikasikan oleh JFNP dalam memutuskan fatwa iaitu berdasarkan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah*. Di samping ilmu *maqāṣid al-sharī'ah*, terdapat pelbagai lagi kaedah dalam memahami hadith yang turut diambil kira oleh JFNP dalam memutuskan fatwa-fatwa mereka.

Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT)

Kaedah yang digunapakai oleh MTT dalam perbincangan mengenai manhaj tarjih hadith sangatlah ringkas akan tetapi ianya masih tetap selari dengan manhaj ulama silam dalam membuat penilaian terhadap sesebuah hadith. Perkara ini dapat dilihat dalam dokumen-dokumen yang berisikan keputusan organisasinya antara lain: Mukaddimah Anggaran Dasar Muhammadiyah (MADM) Matan Keyakinan dan Cita-cita Hidup Muhammadiyah (MKCH) dan Himpunan Putusan Tarjih (HPT) (Mukhlis Rohmanto, 2014). Walaupun demikian, Muhammadiyah dalam mengeluarkan fatwa/keputusan tidak melihat kepada kaedah tersebut sahaja, melainkan ianya tetap merujuk kepada kaedah-kaedah ulama silam yang sedia ada dan juga mengkaji pelbagai hukum secara komprehensif, samada dari sudut kemaslahatan atau juga dari sudut kemajuan teknologi dan pelbagai hal lainnya. Meskipun demikian tidak diketepikan bahawa ada hal-hal yang diputuskan oleh Muhammadiyah yang belum sepenuhnya dihasilkan daripada aplikasi kaedah berkenaan secara sempurna (Muhammad Arwani Rofi'I, 2019).

Dua manhaj yang pengkaji sebut dalam kajian ini, iaitu; manhaj tarjih hadith ulama-ulama silam dan manhaj tarjih hadith dalam MTT. Kedua manhaj ini telah menjadi standard bagi pengkaji untuk menilai kepada fatwa-fatwa atau Hasil Putusan Tarjih Muhammadiyah. Langkah pertama yang telah dijalankan ialah penilaian dari sudut apakah ianya bersesuaian dengan manhaj tarjih ulama silam atau tidak. Langkah kedua penilaian dari sudut aplikasi, selepas didapati kebersesuaiannya dengan kaedah-kaedah ulama silam dalam mereka memutuskan fatwa.

MTT juga menerangkan bahwasanya dasar mutlaq untuk berhukum dalam agama Islam adalah al-Quran dan al-Hadith, dan bila mana perlu menghadapi soal-soal yang telah terjadi dan sangat dikehendaki untuk diamalkannya, mengenai hal-hal yang tak bersangkutan dengan ibadah mahdah padahal tidak terdapat dalil tepat di dalam al-Quran dan al-Sunnah al-Sahihah, maka dipergunakan alasan dengan jalan ijtihad dan istinbat dari nas-nas yang ada, melalui persamaan 'illat sebagaimana telah dilakukan oleh para sarjana salaf dan khalaf, atau dengan kata lain digunakan al-Qiyas. Maksud dari al-Sunnah al-Sahihah dalam definisi agama Islam di atas, bukan hadith sahih dalam istilah ilmu hadith, melainkan hadith maqbul (yang dapat diterima) walaupun tidak sahih dalam pengertian ilmu hadith. Oleh karena itu, al-Quran dan Sunnah adalah dasar mutlak untuk berhukum dalam agama Islam menurut MTT, meskipun tidak ada penegasan secara eksplisit, tetapi tampak bahwasanya al-Sunnah dalam HPT diidentikkan dengan hadith.

Pengkaji telah menganalisis fatwa yang mereka putuskan. Terdapat beberapa kelompangan antaranya ialah: dalam penentuan satu Ramadan bulan puasa. Dalam perbincangan ini nampak Muhammadiyah tidak merujuk kepada konsep tarjih. Jika Muhammadiyah dalam hal ini menggunakan konsep tarjih dalam meng-istinbat-kan hukum, maka sungguh akan difahami bahawa hadith mufassar lebih awal untuk diamalkan daripada hadith mujmal. Kaedah tarjih lain yang boleh digunapakai dalam perbincangan ini ialah hadith larangan lebih berhak untuk didahulukan daripada hadith perintah. Rasulullah SAW. melarang berpuasa pada

hari shak, maka hadith ini lebih berhak untuk diutamakan ke atas hadith yang memerintahkan puasa dengan sebab *ru'yah al-hilal*. Kerana *ru'yah*-pun belum nyata wujud. Kaedah tarjih lanjutan dalam masalah ini ialah hadith yang oleh sunnah yang lain lebih utama daripada hadith yang tidak dikuatkan oleh sunnah. Hadith Ibn 'Abbas dikuatkan oleh hadith daripada Ibn 'Umar RA.

Metodologi yang digunakan MTT dalam melakukan ijtihad bervariasi jika dikaitkan dengan substansi masalah yaitu; (1) Apabila masalah telah ada nashnya, namun demikian dalil tersebut masih diperdebatkan, maka digunakan pendekatan tawaqquf atau tarjih serta jam'u. (2) Apabila masalah tersebut sangat dibutuhkan masyarakat, akan tetapi tidak ada nashnya, maka dilakukan ijtihad dengan cara *bayani*, *qiyasi*, *istislahi* dan *sadd al-zari'ah* dengan tetap mengacu kepada prinsip *jalbu masalaih wa daf'u mafasid* (Abdi Wijaya, 2019).

Jadual 3: Analisis Kedudukan Hadith Dalam Sumber Rujukan Antara JFNP dan MTT

Perkara	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP)	Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT)
Justifikasi Penggunaan Hadith Daif dan Mursal	Syarat jika tiada penyelesaian daripada al-Quran, Sunnah, ijmā' sahabat dan fatwa sahabat	
Kedudukan dan Tingkatan	Tingkatan kelima	Tingkatan kedua
Kaedah Penghujahan Hadith	Utamakan hadith ṣaḥīḥ dan ḥasan sebagai hujjah bagi fatwa-fatwa	
Kaedah Kefahaman Hadith	Makna zahir atau teks hadith Berdasarkan konteks hadith	
Kaedah Penetapan Hukum dan Fatwa	Berdasarkan ilmu maqāṣid al-sharī'ah	

7. Kesimpulan

Hadith sememangnya mempunyai kedudukan yang penting sebagai sumber rujukan dan ambilan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP) dan Majelis Tarjih dan Tajdid (MTT). Kedua-dua institusi fatwa tersebut meletakkan kedudukan hadith selepas al-Quran sebagai dasar rujukan dalam berfatwa. Walaubagaimanapun, ia tidak bermakna JFNP dan MTT mengabaikan pandangan yang dikemukakan oleh imam-imam mazhab. Akan tetapi akan tetapi sedia menerima dan beramal dengan pandangan mazhab yang jelas dan nyata pendapat mereka itu daripada al-Quran atau Sunnah Rasulullah SAW atau jamaah sahabat Rasulullah SAW.

Pandangan-pandangan mazhab-mazhab yang muktabar sememangnya diteliti dan dijadikan panduan oleh JFNP dan MTT. Malah, dalam beberapa permasalahan, mereka turut mengambil pendapat daripada mazhab yang muktabar dengan syarat mempunyai sandaran yang kuat daripada al-Quran, Sunnah dan Jemaah sahabat Rasulullah SAW.

Oleh itu, dapatlah difahami bahawa, bagi JFNP dan MTT, keterikatan dengan sesuatu mazhab tidak menjadi asas kepada sesuatu fatwa. Namun, di dalam apa-apa masalah yang timbul, pendapat-pendapat daripada mazhab-mazhab yang muktabar akan dijadikan panduan oleh ahli jawatankuasa fatwa dalam memberi pandangan atau mereka akan memilih salah satu pendapat daripada mazhab jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Hakikatnya, pendekatan sebenar yang diamalkan oleh JFNP dan MTT bukanlah merujuk terus kepada al-Quran dan Sunnah seperti yang dilakukan oleh ulama mujtahidīn terdahulu. Akan tetapi, sebelum mengeluarkan fatwa, ahli fatwa akan meneliti pandangan-pandangan daripada ulama-ulama, kemudian mengambil dalil-dalil yang menjadi sandaran untuk menilai dalil-dalil tersebut dari aspek ketepatan, kekuatan dan kesahihannya.

Bibliografi

- Abdi Wijaya. (2019). Manhāj Majelis Tarjih Muhammadiyah dalam transformasi hukum Islam (Fatwa). *Al-Risalah*, 19(1), 67-77.
- Abdul Hamid Yunus. (1999). Pelaksanaan Ijtihad di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam* 12.
- Abdul Monir Yaacob. (2000). Maqāṣid al-Sharī'ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum", dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed.), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 185.
- Fatkul Mujib. (2015). Perkembangan fatwa di Indonesia. *NIZHAM: Jurnal Studi Keislaman*, 3(1), 94-121.
- Ghazali Abdul Rahman. (2012). Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan", makalah, Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, h. 3.
- John Van Maanen. (1983). *Qualitative methodology*. Beverly Hill, California: Sage Publication.
- Maḥmūd Ibn Aḥmad Ibn Maḥmūd Ṭoḥan (2004), *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, al-Riyād: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 46.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (t.t), "Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah Waljama'ah", fatwa, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs, Kangar), h. 1.
- Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2005), "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000", Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pegajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 63.
- Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2014), Solahuddin Abdul Hamid dan Noor Naemah Abdul Rahman, "Sejarah Penginstitusian Fatwa di Negeri Perlis: Pentadbiran dan Metodologi Penetapan", prosiding, 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014), Alor Setar, Kedah, h. 1006.
- Mohd Akram Dahaman dan Solahuddin Abdul Hamid (2014), "Praktis Metodologi Penetapan Fatwa oleh Jawatankuasa Syar'iyah Negeri Perlis (JSNP): Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000", prosiding, International Conference of the Social Sciences Research, Kota Kinabalu, Sabah, h. 875.
- Muhammad Arwani Rofi'i. (2019). Pemikiran Muhammadiyah Tentang Hadith. *AL-I'JAZ*, 1(1), 38-62.
- Muḥammad Jamāl al-Dīn Ibn Muḥammad Sa'īd al-Qāsimī (t.t), *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 61.
- Mukhlis Rohmanto. (2014). Posisi Hadith dalam Ijtihad Muhammadiyah. *Afkaruna*, 10(1), 47.
- Pimpinan Pusat Muhammadiyah, Himpunan Putusan Tarjih (Yogyakarta: Suara Muhammadiyah, 2012), 134-135.
- Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964, h. 6.
- Al-Tahhan, Mahmud. (2004). *Taisir musthalah al-hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif Li al-Nasyar Wa al-Tauzi'.
- Muhammad Adam Abd. Azid, Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Mohd Akram Dahaman @ Dahlan. (2019). Hadith sebagai sumber rujukan dan ambilan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis: Kedudukan dan aplikasi. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 15(2), 1-14.
- Bakhtiar. (2017). Corak pemikiran hukum Majelis Tarjih Muhammadiyah. *Jurnal Psikologi Islam (Al-Qolb)*, 9(1), 77-91.

- Syakir Jamaluddin. (2020). *Metode Kritik Hadith Tarjih Muhammadiyah dalam menghadapi hadith-hadith Mukhtalaf fihi*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah UIN Sunan Kalijaga.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia. Diperaku oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-111 pada 9-10 November 2017 di Putra Sunway, Kuala Lumpur.
- Inarah Ahmad Farid & Saadan Man. (2012). Keterbukaan bermazhab dalam realiti di Malaysia: Keperluan atau kecelaruan?. *Jurnal Syariah*, 20(3), 289-308.
- Rosele, M. I., Hj Abdullah, L., Hj Ismail, P., & Ramli, M. A. (2017). Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, 10, 31-56.
- Amiruddin Muhammad Jamil. (2015). Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Dalam Berfatwa Oleh Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh. Tesis Sarjana Ijazah Sarjana Sastera Pengajian Islam. UUM Sintok.
- Laman Web <http://tarjih.muhammadiyah.or.id/content-3-sdet-sejarah.html>
- Awwad Khalaf. (2006). *Manahij 'ulum al-hadith: Nazharat wa waqafat*. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Ilmiah Antarabangsa Hadith Nabawi, pada 8-10 April 2003 di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Dubai. Dubai: Al-Ma'arif Printing Press. Edisi Kedua, 107-119.
- Ismail Abdullah & Shayuthy Abdul Manas. (2015). *Introduction to the Sciences of Hadith*. Selangor: IIUM Press.
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. (2011). *Ulum al-Hadith Asiluha wa Ma'asiruha*. Malaysia: Dar al-Shakir.